

Shahrizat taraf menteri

Dilantik penasihat khas hal ehwal wanita, sosial

KUALA LUMPUR: Bebas Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil (*gambar*) yang tewas pada Pilihan Raya Umum ke-12 lalu, dilantik Penasihat Khas bertaraf menteri kepada Perdana Menteri, Da-

tuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung hal ehwal pembangunan wanita dan sosial.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri yang difakskan ke Bernama, semalam, pelantikan itu berkuat kuasa hari ini.

Dalam melaksanakan tu-

gas, Shahrizat akan bekerjasama erat dengan kementerian yang pernah beliau terajui, jelas kenyataan itu lagi.

Kementerian itu kini diterajui Datuk Dr Ng Yen Yen.

Menurut kenyataan itu, pada ketika ini Abdullah mempunyai seorang penasihat bertaraf menteri ber-



hubung hal ehwal agama Islam dan seorang berhubung hal ehwal luar negara.

Shahrizat, 54, menyandang jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sejak 2001 dan menjadi Anggota Parlimen Lembah Pantai selama tiga penggal. - Bernama